

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 27

### Pegangan asing dalam pasaran ekuiti meningkat

# Pegangan asing dalam pasaran ekuiti meningkat

Hala tuju ekonomi lebih jelas bakal tarik pelabur asing ke Bursa Malaysia

oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

pelabur asing dijangka kembali ke pasaran saham tempatan dengan jumlah pegangan dijangka meningkat dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

Pengerusi Bursa Malaysia Bhd, Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata ketika ini jumlah pegangan asing dalam pasaran ekuiti tempatan adalah sebanyak 20 peratus, naik berbanding beberapa bulan sebelumnya.

Beliau berkata, jumlah itu dijangka terus melonjak berdasarkan kepada trend semasa pasaran saham global di mana aliran pelaburan asing kembali semula ke pasaran baharu muncul.

Katanya, hala tuju ekonomi yang lebih jelas juga melalui kerangka dasar Ekonomi Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Fasa Pertama.

Jumlah pegangan pelabur asing dalam pasaran ekuiti tempatan ketika ini semakin meningkat dan aliran masuk pelabur asing telah kembali ke pasaran baru muncul termasuk Malaysia.

"Pasaran ketika ini juga menarik bukan sahaja kepada pelabur asing tetapi pelabur domestik. Malah, naratif ekonomi yang lebih jelas oleh kerajaan juga akan men-

jadi faktor utama kepada pengukuran pasaran ekuiti tempatan," katanya selepas Taklimat Media Keputusan Kewangan Separuh Pertama 2023 Bursa Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Abdul Wahid berkata, dasar ekonomi yang lebih jelas ini juga bukan sahaja akan menjadi faktor pengukuran untuk pasaran ekuiti tempatan tetapi turut memberikan suntikan baharu kepada pelaburan langsung asing (FDI) serta ringgit.

Beliau berkata, secara keseluruhannya semua perkara itu akan bersama meningkat dan dapat menjadikan Malaysia kekal sebagai ekosistem merentasi pelbagai pasar yang menarik.

Katanya, Bursa Malaysia juga kekal teguh dalam mempunyai pertumbuhan pasaran jangka panjang melalui peningkatan ekosistem merentasi pelbagai pasar.

"Kami juga menyendiri keperluan untuk melaksanakan inisiatif tangga pendek dan sederhana untuk memperkuuh sentimen pasaran dan meningkatkan minat pembelian yang mencabar.

"Bursa Malaysia komited terhadap meningkatkan berterusan untuk memastikan kami kekal sebagai destinasi pengumpulan dana dan pelaburan yang menarik, mampu memupuk pertumbuhan

pasaran modal yang berkembang maju dan menyokong keperluan ekonomi negara," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Muhamad Umar Swift, berkata pihaknya optimis dengan berhati-hati dalam memenuhi petunjuk prestasi utama keseluruhan bagi tahun kewangan 2023.

#### Tingkatkan usaha

Beliau berkata, secara keseluruhannya semua perkara itu akan bersama meningkat dan dapat menjadikan pelaburan di bawah berpatutan, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.

"Dalam kami mengharungi keadaan yang tidak menentu ini, kami mendapat galakan daripada peningkatan yang timbul melalui potensi pertumbuhan yang dibentangkan oleh penilaian yang agak menarik bagi pasaran ekuiti kami dan jangkaan persekitaran kadar faedah global yang stabil.

"Faktor ini, ditambah dengan kadar duti setem yang dikurangkan baru-baru ini ke atas dagangan saham, bersedia untuk menarik pelabur tempatan dan antarabangsa," katanya.

Bursa Malaysia Bhd mencatatkan keuntungan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM76.25 juta bagi

suku kedua berakhir 30 Jun 2023 berbanding RM59.47 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu disebabkan perbelanjaan operasi yang lebih rendah.

Pendapatan bagaimanapun susut kepada RM144.60 juta pada suku kedua daripada RM151.89 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Keuntungan selepas cukai, zakat dan kepentingan minoriti (PATAMI) bagi separuh pertama 2023 meningkat 3.9 peratus kepada RM132.42 juta berbanding RM127.44 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas, manakala hasil turun kepada RM301.10 juta dari pada RM317.19 juta sebelumnya.

Keuntungan yang bertambah baik itu disebabkan kerosotan 8.3 peratus dalam perbelanjaan operasi kepada RM131.1 juta pada separuh pertama 2023 daripada RM143.2 juta pada separuh pertama 2022, terutama disebabkan oleh pembalikan peruntukan sekalai sahaja.

Pasaran sekuriti melaporkan hasil dagangan sebanyak RM126.0 juta pada separuh pertama 2023, menurun sebanyak 14.4 peratus berbanding RM147.2 juta pada separuh pertama 2022 disebabkan oleh purata nilai dagangan harian (ADV) yang lebih rendah untuk dagangan dalam pasaran (OMT) dan dagangan pernilaagan langsung (DBT), berjumlah RM2.09 bilion berbanding RM2.46 bilion tahun lepas.

Ia berkata halaju dagangan dalam separuh pertama merosot kepada 28 peratus daripada 33 peratus tahun lepas, manakala dana yang diperoleh melalui tawaran awam permulaan (IPO) meningkat 8.9 peratus kepada RM2.3 bilion daripada RM2.1 bilion sebelumnya.

Jumlah pegangan pelabur asing dalam pasaran ekuiti tempatan ketika ini semakin meningkat dan aliran masuk pelabur asing telah kembali ke pasaran baru muncul termasuk Malaysia.

Abdul Wahid Omar,  
Pengerusi Bursa Malaysia Bhd

